

110 年新北市各級學校東南亞語文競賽
團體朗讀文稿 馬來語 國高中組 A

TAHUN BAHARU CINA

Mercun dibakar pada tengah malam bagi menandakan bermulanya tahun baharu dan bagi menghalau puaka dan nasib malang. Rumah-rumah dihiasi dengan bunga dan buah limau sebagai simbol syurga dunia.

Jamuan Tahun Baharu Cina diraikan dengan yee sang dan kuih bakul. Kaum keluarga akan makan besar dengan masakan tradisi seperti daging itik, daging salai, kuih pulut dan limau mandarin.

Tahun Baharu Cina disambut dengan menziarahi ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat. Orang tua dan mereka yang sudah berkahwin memberi angpao sebagai hadiah kepada orang muda dan kanak-kanak.

Pasar khas didirikan menjelang Tahun Baharu untuk menjual barangan seperti bunga, mainan, pakaian dan sebagainya. Barangan ini dijadikan hadiah semasa kunjungan.

Perarakan tarian naga atau tarian singa akan diadakan sama ada di rumah atau di kedai dengan kereta berhias yang diiringi bunyi gendang. Tahun Baharu Cina disambut selama lima belas hari, hari ke-15 ialah Cap Goh Mei, iaitu Tahun Baharu Cina akan tamat.